

PM diberi taklimat perdagangan antarabangsa, pelaburan asing
AstroAwani
05 Mac 2020
Harits Asyraf Hasnan,

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini diberi penerangan berkenaan sektor perdagangan antarabangsa dan pelaburan asing oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Antara lain, beliau turut dimaklumkan berkenaan status terkini penganjuran Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) oleh pengurusan tertinggi MITI, diketuai Ketua Setiausahaanya (KSU), Datuk Lokman Hakim Ali.

"Dalam pertemuan tersebut, Perdana Menteri diberi penerangan mengenai sektor perdagangan antarabangsa dan pelaburan asing dalam negara.

"KSU MITI juga menerangkan tentang status terkini penganjuran sidang APEC di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah pada bulan November tahun ini," menurut kenyataan tersebut yang dimuat naik di laman Facebook milik Muhyiddin. Turut dilihat sama hadir memberi penerangan kepada Perdana Menteri adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Antarabangsa), Hairil Yahri Yaacob yang juga Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC serta Pengarah Kanan Hubungan Serantau dan Antarabangsa MITI, Aida Safinaz Allias.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa beliau akan memberi laluan kepada penggantinya selepas selesai penganjuran APEC.

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-diberi-taklimat-perdagangan-antarabangsa-pelaburan-asing-232589>